



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 23 DISEMBER 2025**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM BERJAYA PASTIKAN BEKALAN MAKANAN NEGARA TERUS TERJAMIN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	PESAWAH KELANTAN RUGI RM2.3 JUTA, SOROTAN 2025 BENCANA, M/S – 15	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
3.	INFLASI MALAYSIA NAIK 1.4% BULAN LEPAS, NIAGA, KOSMO, M/S – 38	LAIN-LAIN
4.	BERAS TEMPATAN TIDAK CUKUP TUA KETIKA DITUAI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 10	
5.	MASIH JADI PILIHAN, PENGGUNA TOLAK DAKWAAN CEPAT BASI DAN LEMBIK, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 10	
5.	REBAN BERTINGKAT ELAK AYAM LEMAS, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 21	
6.	DARI SISA NANAS KE PENTAS DUNIA, SINAR VARSITY, SINAR HARIAN, M/S – 18	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

23/12/2025

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

5

Dalam Negeri

Utusan Malaysia
SELASA • 23 DESEMBER 2025

5

KPKM berjaya pastikan bekalan makanan negara terus terjamin

Oleh ASLINDA NASIR
aslinda.nasir@mediamalaysia.com.my

PETALING JAYA: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) merekodkan pencapaian menyeluruh dan berimpak tinggi sepanjang tiga tahun di bawah kepimpinan Mohamad Sabu, sekali gus memperkukuh asas keterjaminan makanan negara dalam berdepan cabaran global dan domestik.

Sejak memulakan tugas rasmi pada 5 Disember 2022, Kementerian meletakkan keutamaan jelas terhadap agenda memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi, stabil dan mampu milik, yang diterjemahkan melalui teras pentadbiran 'Cukup & Terjamin'.

Antara pencapaian paling signifikan ialah kejayaan menangani krisis kekurangan bekalan ayam dan telur yang berlaku pada peringkat awal pentadbiran. Melalui intervensi pasaran yang pantas dan penyelarasan rantaian bekalan, kestabilan bekalan rakyat dipulihkan dalam tempoh singkat.

Lebih penting, kestabilan bekalan makanan asas itu dapat dikekalkan secara konsisten, termasuk ketika musim perayaan, sekali gus meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan kerajaan mengurus sistem keterjaminan makanan negara.

Dalam sektor padi dan beras, KPKM mencatat pencapaian besar apabila melaksanakan reformasi struktur secara berperingkat bagi menangani penurunan kadar sara diri beras negara yang mencecah sekitar 58 peratus pada 2022.

Bagi meringankan tekanan kos pengeluaran pesawah, kerajaan menaikkan Skim Subsidi Harga Padi, harga lantai belian padi serta



PELBAGAI langkah diambil oleh kerajaan dalam memastikan bekalan makanan yang mencukupi untuk rakyat termasuk melaksanakan reformasi struktur secara berperingkat dalam industri beras negara.

memperkenalkan beberapa insentif baharu termasuk Insentif Penuaian Padi dan Skim Takaful Tanaman Padi yang dibiayai kerajaan.

Langkah ini dapat mengurangkan risiko kerugian akibat bencana alam dan serangan perosak, sekali gus memperkukuh daya tahan pengeluaran padi tempatan.

Kementerian turut merekodkan pencapaian penting apabila berjaya mengekalkan bekalan beras negara ketika pasaran global terjejas akibat sekatan eksport India, termasuk memperoleh kelulusan khas import beras putih dan melaksanakan subsidi beras import khususnya untuk Sabah, Sarawak dan Labuan.

Bagi menangani isu kekurangan Beras Putih Tempatan (BPT), KPKM melaksanakan Program Khas Subsidi BPT bernilai RM150 juta selain memperkual sistem

pengesanan 'rice tag' bagi perkuhan pemantauan pasaran.

Dalam masa sama, Kementerian menggerakkan kajian pasaran menyeluruh melalui Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) serta dokumentasi DNA beras tempatan oleh MARDI sebagai asas pembentukan dasar berasaskan data pada masa hadapan.

Dari sudut produktiviti, pelaksanaan Skim Smart Sawah Berskala Besar Ala Sekinchan mencatat peningkatan hasil sehingga 7 hingga 8 tan sehektar di kawasan perintis, sekali gus membuktikan keberkesanan pengurusan ladang secara profesional dan berskala besar.

Pencapaian strategik jangka panjang turut direkodkan menerusi pelaksanaan projek naik taraf sistem pengairan di kawasan MADA bernilai RM5 bilion, yang dijangka

membolehkan sehingga lima musim penanaman dalam tempoh dua tahun.

KPKM juga mencatat kemajuan ketara dalam mengurangkan jurang import makanan melalui pemerkasaan eksport agromakanan bernilai tinggi, khususnya durian dan nenas yang menunjukkan lonjakan nilai eksport ke pasaran antarabangsa.

Pada masa sama, inisiatif pengeluaran domestik seperti penanaman bawang tempatan dan pembangunan jagung bijian digerakkan bagi mengurangkan kebergantungan kepada import bahan mentah makanan ternakan.

Dalam aspek tata kelola, Kementerian merekodkan pencapaian reformasi institusi apabila Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) diwartakan sebagai badan awam di bawah Akta

SPRM, sekali gus memperkukuh integriti dan ketelusan tadbir urus.

Penubuhan Malaysian Agricultural Regulatory and Enforcement Agency (MAREA) pula menjadi pencapaian penting dalam menyelaraskan penguatkuasaan sektor agromakanan yang sebelum ini berpecah antara pelbagai agensi.

Kementerian turut melaksanakan pemisahan kuasa pentadbiran dalam sektor padi dan beras bagi mengelakkan pertindihan fungsi serta konflik kepentingan, sekali gus memulihkan keyakinan rakyat terhadap sistem kawal selia.

Rekod pencapaian KPKM turut terserlah melalui penstrukturan semula subsidi ayam dan telur secara berperingkat dan bersasar, yang berjaya menjimatkan perbelanjaan kerajaan tanpa menjejaskan kestabilan bekalan kepada rakyat.

Selain itu, pengunjuran MAHA 2024 mencatat kehadiran luar biasa melebihi lima juta pengunjung dan nilai transaksi puluhan juta ringgit, sekali gus mengukuhkan peranan sektor agromakanan sebagai pemacu ekonomi.

Program Jalan Agro MADANI yang diperluaskan ke seluruh negara serta penambahbaikan Geran Agropreneur Muda yang memanfaatkan ribuan belia pula mengukuhkan lagi rekod pencapaian Kementerian di peringkat akar umbi.

Secara keseluruhan, rekod pencapaian KPKM sepanjang tiga tahun ini memperlihatkan pendekatan pentadbiran yang berorientasikan hasil, reformasi berstruktur dan dasar berasaskan data, sekali gus meletakkan asas kukuh untuk memperkasa sistem makanan negara secara mampan demi manfaat rakyat dan negara.



MOHAMAD Sabu berjaya menangani pelbagai isu keterjaminan makanan dan rantaian bekalan selepas menerajui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan sejak tiga tahun lalu.



KRISIS kekurangan bekalan telur berjaya diatasi melalui intervensi pasaran yang pantas dan penyelarasan rantaian bekalan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/12/2025	SINAR HARIAN	SOROTAN 2025	15



Pesawah Kelantan rugi RM2.3 juta

13 DISEMBER: Seramai 269 pesawah Kelantan bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) kerugian lebih RM2.3 juta selepas tanaman padi mereka tenggelam akibat banjir gelombang pertama Monsun Timur Laut (MTL).



PURATA harga ayam standard Malaysia adalah RM10.57 sekilogram bulan lalu, naik sedikit daripada RM10.35 pada Oktober.

Inflasi Malaysia naik 1.4% bulan lepas

- **Kelantan rekod inflasi terendah**
- + ● **Makanan, minuman naik 1.5 peratus**

PETALING JAYA – Inflasi Malaysia meningkat 1.4 peratus bulan lalu, menurut laporan Indeks Harga Pengguna (IHP), November 2025 yang diterbitkan Jabatan Perangkaan semalam.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, 61.1 peratus item (350 daripada 573) merekodkan kenaikan harga.

"Daripada jumlah tersebut, 342 item (97.7 peratus) mencatatkan peningkatan kurang atau sama dengan 10 peratus, hanya lapan item merekodkan kenaikan melebihi 10 peratus pada November 2025.

"Baki sebanyak 184 item (32.1 peratus) menunjukkan penurunan, manakala 39 item kekal tidak berubah," katanya.

Kumpulan Makanan & Minuman yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP meningkat 1.5 peratus, sama seperti Oktober 2025.

Subkumpulan Makanan di luar rumah merekodkan peningkatan lebih perlahan kepada 2.8 peratus berbanding 2.9 peratus pada Oktober, manakala inflasi subkumpulan Makanan di rumah meningkat secara marginal sebanyak 0.1 peratus (Oktober 2025: 0 peratus).

Di peringkat negeri, Mohd. Uzir berkata, empat negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Johor (1.9 peratus), Negeri Sembilan (1.9

peratus), Kuala Lumpur (1.7 peratus) dan Selangor (1.6 peratus).

"Kelantan merekodkan inflasi terendah pada 0.2 peratus.

"Kesemua negeri mencatatkan peningkatan inflasi Makanan & Minuman kecuali Kelantan (-0.3 peratus), dengan tujuh negeri merekodkan peningkatan melepasi paras nasional iaitu Negeri Sembilan (3.3 peratus), Melaka (2.4 peratus), Pahang (2.3 peratus), Kuala Lumpur dan Labuan (2.1 peratus), Johor (dua peratus) serta Putrajaya (1.7 peratus)," katanya.

Berbanding negara terpilih, inflasi Malaysia lebih rendah daripada Vietnam (3.6 peratus), Indonesia (2.7 peratus) dan Korea Selatan (2.4 peratus), namun tinggi daripada China (0.7 peratus) dan Thailand (-0.5 peratus).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/12/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Beras tempatan tidak cukup tua ketika dituai

PEKAN: Isu beras putih tempatan (BPT) cepat basi dan lembik dikenal pasti berpunca daripada proses pengeluaran yang tidak melalui tahap penuaan mencukupi dan kerja pemutihan tidak sempurna.

Penaung Syarikat Kilang Beras Melayu Jati, Mujahid Che Hamid berkata, keadaan itu berlaku kerana pengilang berdepan kekangan kos yang tinggi dalam pengeluaran beras tempatan.

"Harga padi lantai sekitar RM1,500 satu tan metrik akan meningkat hampir RM2,800 apabila diproses menjadi beras. Sebaliknya, beras import yang melalui proses penuaan (aging) penuh dan pemutihan menyeluruh boleh diperoleh pada harga RM2,600.

"Bagi meminimumkan kos, pengilang tempatan terpaksa mengelak daripada menjalankan proses *aging* yang panjang dan mengurangkan kerja pemutihan. Akibatnya, beras yang dihasilkan masih mengandungi wap air tinggi dan lapisan dedak tidak dikikis sepenuhnya.

"Situasi ini menyebabkan BPT lebih mudah basi dan



MUJAHID CHE HAMID

kurang berkualiti berbanding beras import yang lebih tahan lama," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, kualiti rendah seperti mudah basi, cepat berbau dan lembik menyebabkan BPT tidak laku di pasaran berbanding beras import.

Anggota Sekutu Malaysia di Pusat Pilihan Pengguna, Tarmizi Anuwar berkata, beras tempatan dikatakan kurang berkualiti daripada segi tekstur dan kebolehcapaian selepas dimasak.

Sebelum ini, Kementerian

Pertanian dan Keterjaminan Makanan dilaporkan mengakui peningkatan pengeluaran BPT masih berdepan cabaran apabila sambutan pembelian dalam kalangan pengguna kekal rendah iaitu sekitar 10 hingga 15 peratus sahaja.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, walaupun isu BPT sering dibangkitkan secara lantang di Parlimen, realitinya permintaan di pasaran tidak seperti digambarkan.

Mujahid mencadangkan Padiberas Nasional Berhad (Ber-nas) menaikkan harga beras import supaya melebihi BPT, selain menghadkan kepada satu jenis beras putih sahaja.

"Sekiranya kos pengeluaran beras tempatan hari ini RM2,800 satu metrik tan di peringkat kilang padi, harga beras import perlu sekurang-kurangnya RM3,050 satu tan metrik.

"Ini penting untuk jaminan tahap sara diri (SSL) beras negara yang mana jika kilang sudah tidak berminat beli padi, petani tidak akan lagi ghairah menanam dan menjaga kualiti padi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/12/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Masih jadi pilihan, pengguna tolak dakwaan cepat basi dan lembik

PETALING JAYA: Beras tempatan masih mendapat tempat di hati sebahagian rakyat. Mereka berpandangan beras tersebut mudah basi dan berbau berpunca daripada cara penyediaan dan bukannya soal kualiti.

Pekerja swasta, Amirah Syasya Muhammad Mawardi, 26, berkata, beras tempatan masih setanding dengan beras import malah ditawarkan pada harga yang lebih berpatutan.

"Nasi yang saya masak menggunakan beras tempatan tidak pernah basi atau berbau. Saya pernah menggunakan kedua-dua jenis beras, tempatan dan import dan pada saya perbezaannya tidak begitu ketara, kecuali beras import yang lebih panjang bijirannya, namun daripada segi rasa ia sama.

"Harga beras tempatan pula jauh lebih murah dengan subsidi yang disediakan kerajaan serta kualitinya setanding, jadi saya akan terus memilih beras tempatan," katanya ke-

pada *Utusan Malaysia*.

Berkongsi pengalaman sama, Che Saniah Che Ali, 52, berkata, dia pernah berdepan masalah nasi cepat basi dan berbau apabila menggunakan beras import, manakala beras tempatan sentiasa masak dengan elok.

"Saya perasan beras import yang saya beli mudah naik kutu dan menyebabkan ia cepat basi. Selain itu, beras import juga kelihatan terlalu putih, mungkin disebabkan pelbagai proses yang dijalankan," katanya.

Suri rumah sepenuh masa, Aklima Ismail, 51 berkata, dia lebih gemar membeli beras tempatan kerana kandungan kanjinya yang dipercayai lebih rendah berbanding beras import.

"Saya pernah membaca maklumat pada pembungkusan dan mendapati kandungan kanji dalam beras tempatan lebih rendah membuatkan ia menjadi lembik berbeza dengan beras import yang berkanji tinggi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/12/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	21

Reban bertingkat elak ayam lemas

Namun ada ternakan mati mungkin disebabkan keadaan reban terlalu sesak

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN
NIK MIN

KUANTAN - Reban bertingkat yang dibina agak tinggi berjaya menyelamatkan lebih 100 ayam termasuk ayam hiasan ditenak pasangan suami isteri dari Kampung Teluk Mahang di sini ketika banjir melanda, baru-baru ini.

Idawati Abdullah, 43, berkata dia dan suaminya, Mohd Zulkipli Mohd Yunus, 49, sempat memindahkan semua ayam ke bahagian atas reban sebelum mereka sekeluarga berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

"Hampir separuh reban ditenggelami banjir, mujur tingkat paling tinggi masih terselamat.

"Alhamdulillah, hampir semua dapat diselamatkan kecuali beberapa ekor yang mati, mungkin disebabkan keadaan reban terlalu sesak ketika itu," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* pada Isnin.

Terdahulu, kampung terletak berhampiran Sungai Belat itu merupakan antara kawasan terjejas



Idawati menunjukkan kesan paras air menenggelamkan separuh reban ayam ternakan mereka.

teruk akibat banjir.

Walaupun ayam ternakan mereka terselamat, Idawati memaklumkan hampir semua barangan keperluan rumah termasuk perkakasan elektrik tidak dapat diselamatkan.

"Semua peralatan elektrik rosak. Kami seolah-olah memulakan kehidupan dari bawah semula," kata suri rumah yang juga ibu tiga anak.

Menurutnya, air naik dengan cepat memaksa dia dan keluarga keluar menyelamatkan diri tanpa sempat memindahkan harta benda yang ada.

"Kira-kira jam 2 pagi pada awal pagi Rabu lalu, kami dimaklumkan

air mulai naik dan dinasihatkan segera berpindah.

"Saya bersama tiga anak berusia antara 11 hingga 16 tahun menjadi antara yang pertama dari kampung ini berpindah ke PPS di SK Mat Kilau," katanya.

Ujarnya, selepas menghantar anak ke PPS, dia kembali semula ke rumah untuk membantu suami menyelamatkan barangan berharga.

"Waktu kembali semula ke PPS, air semakin tinggi dan ramai penduduk berpindah selepas diarah berbuat demikian," katanya.

Idawati berkata, kerja membersihkan rumah sangat memenatkan kerana banjir agak berlumpur.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/12/2025	SINAR HARIAN	SINAR VARSITY	18

18

Sinar Varsity
Campus Now,
Nation Next!



Follow kami juga di FB & IG

TECHNO Varsity

Sumber & Foto: UTM/NEWSHUB

Projek waste to wealth bimbingan FKM UTM angkat pelajar raih tiga anugerah dunia

Susunan WAN ROSIDA WAN HAMAD

Di sebalik kejayaan pelajar sekolah menembusi pentas inovasi dunia, berdiri sebuah pasukan akademik yang konsisten membimbing bakat muda sehingga melangkaui batas bilik darjah.

Peranan itu dimainkan oleh Pasukan Inovasi Sosial, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), yang menjadi tunjang kepada kejayaan sekumpulan pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tan Sri Mohamad Rahmat, Johor meraih tiga anugerah antarabangsa di Seoul, Korea Selatan.

Bermula dengan sebuah projek asas berupa bekas makanan daripada sisa nanas, bimbingan strategik pasukan ini telah mengembangkan idea tersebut menjadi inovasi filamen pencetak 3D berkonsepkan *waste to wealth*.

Transformasi itu bukan sahaja mengangkat potensi pelajar sekolah ke tahap lebih tinggi, malah berjaya mengharumkan nama Johor dan Malaysia di pentas global.

Pasukan Inovasi Sosial FKM diterajui oleh Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Nor Hasrul Akhmal Ngadiman bersama barisan pakar

teknikal terdiri daripada Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Mohd Azlan Suhaimi, Ts. Dr. Muhd Ikmal Isyraf Mohd Maulana, Dr. Nurul Husna Mohd Yusoff, Ts. Khidzir Zakaria, Roslin Yasak, Mohd Zarieth Hafiz Mat Hussain serta pensyarah Fakulti Sains, Dr. Nor Ain Husein.

Pasukan ini berperanan membimbing pelajar secara menyeluruh, daripada peringkat idea, aplikasi teknikal sehinggalah pembangunan prototaip yang berdaya saing.

Menurut Nor Hasrul, pertemuan pertama beliau dengan pelajar berkenaan berlaku semasa sebuah pertandingan inovasi peringkat negeri, ketika projek yang dipamerkan hanyalah bekas makanan berasaskan sisa nanas.

Namun, minat mendalam dan keberanian pelajar untuk mencuba perkara baharu membuka ruang kepada idea yang lebih besar.

"Saya mencadangkan agar sisa nanas ini dimanfaatkan sebagai filamen pencetak 3D.

"Jika berjaya, bukan sahaja satu produk

boleh dihasilkan, malah membuka peluang kepada ribuan produk lain," katanya.

Berbekalkan cadangan tersebut, Pasukan Inovasi Sosial FKM membimbing pelajar secara intensif daripada peringkat konsep dan penyelidikan bahan, aplikasi kejuruteraan, hinggalah kepada pembangunan prototaip filamen yang dikenali sebagai Filamenas.

Usaha berterusan itu membuahkan hasil apabila projek berkenaan meraih pingat emas di Malaysia Technology Expo (MTE), sebelum mengulangi kejayaan sama di Penang International Invention, Innovation & Design (PIID).

Kejayaan di peringkat kebangsaan membuka laluan kepada pasukan pelajar ini bersaing di peringkat antarabangsa menerusi Seoul International Invention Fair (SIIF) di Korea Selatan.

Berbeza dengan pertandingan sebelumnya, tiada kategori khas pelajar sekolah atau junior disediakan, menyebabkan mereka terpaksa bersaing secara langsung dengan profesor universiti dan penyelidik antarabangsa.

PROJEK: Filamenas (Filamen pencetak 3D daripada sisa nanas)

KONSEP: Waste to Wealth

SEKOLAH: SMK Tan Sri

Mohamad Rahmat, Johor

INSTITUSI PEMBIMBING:

Pasukan Inovasi Sosial,

Fakulti Kejuruteraan

Mekanikal (FKM), Universiti

Teknologi Malaysia (UTM).

PENCAPAIAN:

- Pingat emas - Malaysia Technology Expo (MTE)
- Pingat emas - Penang International Invention, Innovation & Design (PIID)
- Pingat gangsa - Seoul International Invention Fair (SIIF), Korea Selatan
- Special award - Ministry of Education Saudi Arabia
- Special award - Indonesia Invention & Innovation Association

Walaupun berdepan cabaran besar, projek Filamenas berjaya meraih pingat gangsa, selain menerima Special Award daripada Ministry of Education Saudi Arabia serta Special Award daripada Indonesia Invention & Innovation Association.

Secara keseluruhan, penyertaan tersebut membuahkan tiga anugerah antarabangsa dalam satu pertandingan, satu pencapaian luar biasa bagi projek peringkat sekolah.

Nor Hasrul menegaskan bahawa kejayaan ini turut mencatat rekod tersendiri apabila SMK Tan Sri Mohamad Rahmat menjadi sekolah keempat dalam tempoh empat tahun berturut-turut yang dibawa oleh Pasukan Inovasi Sosial FKM ke pertandingan antarabangsa, dengan kesemua sekolah terbahagi berjaya membawa pulang anugerah.

"Kejayaan ini membuktikan bahawa bakat tidak mengenal latar belakang. Inovasi boleh lahir di mana-mana, termasuk di bilik darjah sekolah harian," katanya.

Beliau turut menekankan bahawa usaha memupuk minat mencipta dan budaya inovasi sejak peringkat awal merupakan pelaburan strategik untuk masa depan negara.

"Dengan ruang, bimbingan dan peluang yang berterusan, Malaysia bukan sahaja berpotensi menjadi pengguna teknologi, malah mampu muncul sebagai pencipta dan peneraju idea serta inovasi di peringkat global," katanya.



Nor Hasrul bersama pelajar di reruai Seoul International Invention Fair (SIIF).

Dari sisa nanas ke pentas dunia



Konsep dan reka bentuk Filamenas yang dihasilkan daripada sisa nanas.



Pelajar bersama pasukan teknikal Inovasi Sosial FKM semasa proses membangunkan prototaip Filamenas.